

SOALAN NO. : 426

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dipatuhi untuk mengawal suasana banjir.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 2001 telah memutuskan bahawa Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) hendaklah digunapakai sebagai syarat kelulusan pemajuan tanah bagi pembangunan perumahan, industri dan komersil di seluruh negara.

Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada tahun 2005 juga telah bersetuju menjadikan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak sebagai keperluan mandatori dalam mengemukakan pelan kerja tanah bagi tujuan permohonan Kebenaran Merancang kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2007, penggunaan MSMA telah diperkukuhkan sebagai syarat utama bagi semua permohonan pemajuan tanah bagi pembangunan perumahan, industri dan komersil kepada mekanisme Pusat Sehenti (*One Stop Centre*, OSC) oleh PBT. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat dikenakan, JPS akan mengesyorkan PBT untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memberi kerjasama dan nasihat teknikal dalam meningkatkan kualiti pengurusan air larian hujan demi kesejahteraan rakyat seluruh Negara.

Sekian, terima kasih.